



Pelajar cemerlang SPM dipelawa mohon program khas tajaan JPA

Oleh Irwan Shafrizan Ismail - Jun 21, 2023 @ 4:51pm
bhnews@bh.com.my

PUTRAJAYA: Pelajar yang mendapat sekurang-kurangnya 9A+ dalam keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2022, kini boleh memohon tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menerusi Program Khas Lulusan SPM Dalam Negara (LSPM) 2023.

JPA menerusi iklan di sesawangnya, mempelawa pelajar cemerlang lepasan SPM 2022 memohon penajaan program itu di universiti awam (UA), universiti berkait kerajaan (GLU) dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) dalam pelbagai bidang pengajian termasuk perubatan, pergigian dan farmasi.

Calon akan ditawarkan penajaan untuk mengikuti pengajian peringkat persediaan hingga ke ijazah pertama membabitkan 20 UA dan puluhan IPTS dalam negara yang dikenal pasti, tertakluk kepada syarat ditetapkan.

Penajaan program ini adalah dalam bentuk Pinjaman Boleh Ubah (PBU) yang tertakluk kepada terma ikatan perjanjian JPA iaitu pinjaman mereka yang bekerja dengan kerajaan selepas tamat pengajian akan diubah kepada biasiswa penuh.

Bayaran balik sebanyak 25 peratus daripada jumlah pinjaman yang diterima dikenakan sekiranya pelajar berkhidmat dalam syarikat berkaitan kerajaan (GLC) selepas tamat pengajian;

Bayaran balik sebanyak 50 peratus daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dengan syarikat swasta dalam negara selepas tamat pengajian.

Penerima tajaan yang tidak termasuk bawah mana-mana kriteria itu akan diminta membayar balik jumlah keseluruhan.

Calon yang berjaya perlu mengikuti kursus prauniversiti di institusi tempatan dalam tempoh 24 bulan. Kursus termasuk Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), matrikulasi dan pelbagai kursus asasi di institusi kerajaan dan swasta.

Bagi peringkat Ijazah Pertama di 20 UA (saluran perdana sahaja), penajaan membabitkan semua bidang ditawarkan kecuali Pendidikan, Penerbangan, Kejururawatan, Separa Perubatan, Kursus Profesional dan Program Berkembar.

Bagi penajaan IPTS, bidang ditawarkan membabitkan Perubatan, Pergigian, Farmasi, Kejuruteraan, Seni Bina, Sains dan Teknologi serta Sains Sosial.

Selain itu, pelajar tidak dibenarkan untuk mengikuti program persediaan dengan pembiayaan sendiri, sekiranya berbuat demikian, tidak akan ditawarkan penajaan di peringkat Ijazah Pertama di bawah program itu.

Pelajar juga tidak digalakkan memohon penangguhan penajaan atau program persediaan pada tahun tawaran semasa kecuali atas sebab munasabah seperti masalah kesihatan.

Bagi tujuan penajaan, pelajar hendaklah sudah ditawarkan mengikuti pengajian Ijazah Pertama di institut pengajian tinggi (IPT) dalam tempoh 12 bulan selepas tamat program persediaan dan tidak dibenarkan menanggung pengajian ke tahun berikutnya.

Program pengajian yang diikuti hendaklah dijalankan secara sepenuh masa di institusi dalam negara sahaja dan tidak termasuk dalam program berkembar di luar negara atau sebahagian daripadanya dijalankan di luar negara.

Calon yang berminat perlu mengisi profiling secara dalam talian di <http://esilav2.jpa.gov.my/> yang dibuka khusus kepada senarai calon yang dipaparkan dalam laman web itu sahaja.

Permohonan dibuka bermula 12 Jun hingga 23 Jun ini. Pelajar perlu menghadiri temu duga untuk penilaian dari 10 Julai hingga 14 Julai sebelum nama calon berjaya diumumkan pada 4 Ogos.

Selain 20 UA sedia ada, IPTS yang tersenarai menawarkan bidang perubatan ialah Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU); Monash University Malaysia; Universiti Kuala Lumpur-Kolej Perubatan Diraja Perak (UCSI); University of Cyberjaya (UoC), Universiti Pengurusan dan Sains (MSU); Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR); Taylor's University, SEGi University, Lincoln University College dan WIDAD University College.

Untuk bidang pergigian ialah di IMU, SEGi dan Lincoln, manakala institusi disenaraikan bagi farmasi ialah UCSI, IMU, MSU, UoC, SEGi, Taylor's University dan Lincoln University College.

Dalam pemakluman berasingan, JPA turut menawarkan tajaan untuk pengajian ijazah sarjana muda dalam bidang kejuruteraan, sains dan teknologi serta sains sosial menerusi Program Khas Jepun, Korea, Perancis dan Jerman (JKPJ) 2023.

Keperluan minimum untuk kursus itu adalah sekurang-kurangnya 5A+ atau A dalam bahasa Melayu, matematik, matematik tambahan, fizik dan kimia.

Selain itu, mereka mesti memperoleh sekurang-kurangnya A- dalam bahasa Inggeris dan sejarah.

Kekal kuota pelajar perubatan

Sementara itu dalam jawapan di Dewan Negara, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata kerajaan mengekalkan kuota pengambilan pelajar perubatan di IPT tempatan.

Beliau berkata, kuota dibenarkan Kementerian Kesihatan (KKM) adalah 4,820 orang setahun, namun jumlah siswazah sebenar adalah lebih rendah iaitu kira-kira 4,000 orang setahun.

"Kementerian akan terus kekalkan jumlah yang ditetapkan kerana antaranya permohonan ramai untuk mengambil jurusan perubatan dan kadar (yuran) yang ditetapkan untuk universiti tempatan adalah murah, maka demikian kita sebenarnya melakukan pendemokrasian pendidikan.

"Kita membenarkan ramai memohon untuk ambil jurusan perubatan, kalau kita kurangkan (pengambilan) dalam negara maka sudah tentu ada yang terpaksa ke luar negara dan kosnya sangat tinggi," katanya.